

Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan Murid Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Mata Pelajaran Tasawwur Islam

Tuan Rahayu Tuan Lasan¹, Mohd Aderi Che Noh², & Mohd Isa Hamzah³
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
tuanrahayu33@gmail.com¹, aderi@ukm.edu.my², isa_hamzah@ukm.edu.my³

ABSTRAK

Kemahiran berfikir merupakan satu agenda utama dalam sistem pendidikan di Malaysia. Ia termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPK) dan sangat diutamakan dalam kurikulum pengajaran abad ke-21. Kemahiran berfikir dikategorikan kepada dua peringkat iaitu kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). KBAT merupakan kesinambungan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis (KBKK) yang memberi fokus tentang menilai, menganalisis, meneroka dan mencipta. Namun, beberapa isu timbul dengan pelaksanaan KBAT di seluruh negara. Terdapat beberapa aspek yang perlu diambil kira bagi membudayakan KBAT dalam kalangan murid. Antaranya ialah aspek pengetahuan, sikap dan kesediaan murid. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan, sikap dan kesediaan murid-murid tingkatan empat terhadap KBAT dalam mata pelajaran Tasawwur Islam di sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kuantitatif secara tinjauan terhadap 127 orang murid tingkatan empat. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan program SPSS versi 23.0 Analisis deskriptif mendapati ketiga-tiga pemboleh ubah iaitu pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap KBAT berada pada tahap tinggi. Implikasi kajian ini memberi maklumat kepada para guru untuk menambak baik usaha menerapkan KBAT murid agar mereka menguasai dan memahami isi pelajaran dengan jelas sekaligus memberi kesan kepada sikap dan kesediaan murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.

Kata kunci: *pengetahuan, sikap, kesediaan, kemahiran berfikir, Tasawwur Islam*

PENGENALAN

Kemahiran berfikir merupakan satu agenda utama dalam sistem pendidikan di Malaysia. Ia termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPK) dan sangat diutamakan dalam kurikulum pengajaran abad ke-21. Menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 kemahiran berfikir salah satu dari enam ciri utama yang menjadi aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia yang perlu ada setiap murid untuk bersaing ke peringkat global (KPM 2013). Aspirasi KPM ini menjadi satu cabaran kepada para guru dan murid untuk merealisasikan transformasi pendidikan. Hasrat KPM ini juga menjadi kayu ukur dalam menentukan kejayaan transformasi pendidikan.

Kemahiran berfikir sangat dititikberatkan dalam ajaran Islam. Kemahiran berfikir dari perspektif Islam berdasarkan Iman Ghazali merujuk kepada pemikiran bertahap berdasarkan tiga peringkat pemikiran iaitu taakulan, tafakkur dan tadabbur. Taakulan diertikan sebagai pemikiran. Takaffur bermaksud fikir-dzikir iaitu melibatkan pemikiran dan perasaan. Manakala tadabbur (dzikir) pula melibatkan pemikiran, perasaan dan amalan beradab (Kamarudin Abu Hassan 2008). Menurut al-Ghazali (1989) manusia digalakkan berfikir dan memerhati tentang ciptaan Allah SWT yang berlandaskan panduan wahyu (Mohd Rumaizuddin 2005). Hal ini membawa manusia kepada memahami dan yakin akan tanda-tanda kewujudan Allah SWT (Hamka 2009; Zul 'Azmi 2012).

Kepentingan dan peranan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Tasawwur Islam telah dinyatakan dengan jelas dalam Sukatan Pelajaran Tasawwur Islam pada tahun 2001. Kemahiran berfikir menjadi teras kepada pemahaman asas-asas falsafah Islam. Hal ini bertepatan dengan pandangan Hassan Langgulung (1987) menyatakan bahawa guru harus mendidik murid dengan asas-asas falsafah Pendidikan Islam dengan cara membantu murid menganalisis, mengkritik dan mensintesis supaya mereka dapat memilih sesuatu yang lebih baik. Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran Tasawwur Islam boleh diterapkan melalui pembelajaran berpusatkan murid melalui aktiviti seperti penerokaan, penyelidikan dan pembelajaran berasaskan projek yang mana guru memainkan peranan sebagai pemudah cara.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam mendepani cabaran abad ke-21 kualiti ilmu pengetahuan perlu ditingkatkan melalui penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran ke arah menyediakan generasi yang memiliki pelbagai kemahiran yang mampu berdaya saing di peringkat global. Rajendran (2001) menyatakan bahawa penekanan pengajaran kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan faktor penting bagi memastikan kemahiran berfikir dapat dihayati oleh pelajar-pelajar. Berdasarkan kajiannya menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah masih berada pada aras rendah dan tidak menyokong penguasaan kemahiran berfikir oleh murid. Isu ini turut dikemukakan oleh Zamri dan Jamaludin (2002) menyatakan bahawa perkembangan kemahiran berfikir di dalam bilik darjah masih berada pada tahap yang tidak menggalakkan.

Beberapa isu turut timbul dengan pelaksanaan KBAT di seluruh negara. Menurut Lembaga Peperiksaan (2013) antara isu dan cabarannya ialah kefahaman guru, kemahiran guru, kesiapan murid dan instrumen pentaksiran. Beberapa kajian lepas yang berkaitan tentang kemahiran berfikir dalam kalangan murid menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid terhadap kemahiran berfikir kritikal, kritis dan kreatif serta kemahiran berfikir aras tinggi masih berada pada tahap yang rendah dan sederhana (Siti Rahayah et al. 2008; Sarimah dan Shaharom 2008; Zanariah 2010; Nor Hasnida et al. 2011; Siti Nurliyana 2015; Suhana & Zanaton 2015).

Selain itu, peperiksaan dan pentaksiran yang sedia ada turut dirombak untuk meningkatkan tumpuan terhadap KBAT supaya kualiti pendidikan negara bertaraf antarabangsa. Sehubungan dengan itu, soalan berbentuk KBAT telah diperkenalkan secara beransur-ansur pada tahun 2014 dalam usaha merealisasikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Soalan berbentuk kemahiran berfikir dikemukakan dalam peperiksaan awam (Mohamad Maliki et al. 2012) dan elemen KBAT telah menjadi keutamaan (Norasmahami et al. 2015). Selaras itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) mensasarkan untuk menambahkan nisbah soalan yang menguji KBAT sebanyak 75% dalam peperiksaan pusat bagi mata pelajaran teras SPM dan 50% dalam mata pelajaran elektif SPM menjelang tahun 2016.

Kajian literatur menunjukkan bahawa kajian-kajian lepas tentang kemahiran berfikir telah dijalankan melibatkan mata pelajaran seperti Bahasa Melayu (Yahya Othman 2014; Siti Nurliyana 2015; Wan Nazira 2015; Nor Hasmaliza 2016; Nasyimah 2016), Sains (Marlina dan Shaharom 2010; Suhanna dan Zanaton 2015; Arni Yuzie 2016), Matematik (Sukiman et

al.2002), Sejarah (Rajendran 2003; Pushpalatha 2006), dan Pendidikan Islam (Sabri 2008; Nurul Nadirah 2014; Nur Aida 2016). Kajian-kajian tersebut tidak berfokus secara langsung dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. Kebanyakan kajian lepas juga lebih memberi tumpuan kepada guru yang mengajar dari aspek tahap pengetahuan, kemahiran, sikap guru terhadap kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (Zainal Abidin 2006; Mohammad Norsham 2014; Mohd Ghadafi 2014), aspek pengetahuan guru terhadap KBAT (Nurul Nadirah 2014; Nur Aida 2016), aspek kesediaan guru terhadap KBAT (Nor Hasmaliza 2016). Manakala kajian berkaitan KBAT murid didapati kurang dijalankan. Kajian Siti Nurliyana (2015) dan kajian Nasyimah (2016) mengkaji aspek pengetahuan, kesediaan dan sikap pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Justeru, kajian ini untuk mengenal pasti pengetahuan, kesediaan dan sikap murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan, sikap dan kesediaan murid- murid tingkatan empat terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. Oleh itu, persoalan kajian ini ialah apakah tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan murid- murid tingkatan empat terhadap KBAT dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.

TINJAUAN LITERATUR

Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Kemahiran berfikir dikategorikan kepada dua peringkat merangkumi kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) (KPM 2013). KBAT merupakan kesinambungan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis (KBKK) yang berfokus pada aspek menilai, menganalisis, meneroka dan mencipta (Norasmahani et al. 2015). Namun penekanan KBAT adalah lebih holistik berbanding KBKK (Arni Yuzie 2016) dan lebih menjurus kepada pengaplikasian aktiviti mental yang lebih kompleks (Nur Aida & Mohd Aderi 2014) serta perlu diselesaikan bukan dengan aplikasi rutin biasa (Rajendran 2008). KBAT ini tercetus apabila seseorang individu menggunakan kemahiran-kemahiran berfikir untuk menghadapi situasi yang kompleks, baharu dan mencabar (Rajendran 2008; Halimah 2009; Yee et al.2010).

Tomei (2005) menjelaskan KBAT menjurus kepada penggunaan kemahiran kognitif pada aras tinggi iaitu kemahiran menganalisis, sintesis, menilai dan berupaya mencipta sesuatu pandangan dan idea yang baharu. Manakala Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) mentakrifkan KBAT sebagai:

“... keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.”

Konsep KBAT menjadi agenda penting dalam bidang pendidikan setelah objektif pengajaran Bloom Taksonomi (1956) diperkenalkan (Musliha 2010). Taksonomi Bloom (1956) dan Taksonomi Bloom Semakan Semula (2001) menjadi kerangka utama KBAT Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM 2014). Tahap kognitif aras tinggi berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Semula (2001) merangkumi empat domain kognitif iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Keempat-empat domain kognitif ini memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi.

Pengetahuan, Sikap dan Kesiapan Murid

Menurut Ainon dan Abdullah (2003) pengetahuan adalah sesuatu pengalaman yang ada pada diri kita di mana kita dapat mengetahui apa yang boleh dilakukan dan apa yang mustahil. Kamarudin (2010) menyatakan bahawa pengetahuan merujuk kepada input yang diperoleh oleh seseorang samada melalui pengalaman, pendidikan formal ataupun tidak formal serta melibatkan proses kognitif. Pengetahuan merupakan asas dan satu keperluan bagi membolehkan KBAT dipraktikkan dalam pembelajaran. Pengetahuan tentang KBAT sangat penting untuk memastikan seseorang murid memahami hubungan dan kaitannya dengan pembelajaran. Selain itu, pengetahuan tentang KBAT ini dapat membantu murid menyelesaikan sesuatu tugas dan permasalahan dengan berkesan. Hal ini kerana tanpa pengetahuan KBAT yang jelas akan menyebabkan timbul banyak kelemahan khususnya kesiapan dan sikap murid untuk mempelajari mata pelajaran Tasawwur Islam.

Kajian dijalankan oleh Zanariah (2010) tentang tahap pengetahuan dalam pengaplikasian kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) yang melibatkan murid tingkatan empat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian tinjauan dilakukan ke atas 150 responden melibatkan murid tingkatan empat di sekolah menengah sekitar Pulau Pinang. Dapatan kajian mendapati pengaplikasian KBKK dalam mata pelajaran Pendidikan Islam adalah pada tahap sederhana. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan kajian Sarimah dan Shaharom (2008) yang melibatkan murid Sains tingkatan empat di daerah Kulai berkaitan tahap penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi. Kajian Wan Nazira (2015) tentang aplikasi KBAT dalam aspek pemahaman puisi dan prosa komponen sastera Bahasa Melayu turut menunjukkan tahap KBAT adalah sederhana. Manakala kajian Musliha Salma (2010) mengenai pengetahuan aplikasi KBAT melalui pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah menunjukkan keseluruhan elemen kemahiran berfikir aras tinggi berada pada tahap yang tinggi.

Menurut Sharifah Alawiyah (1985), sikap adalah situasi apabila seseorang mudah dipengaruhi supaya bertindak balas secara positif atau negatif kepada orang lain, sesuatu keadaan atau idea. Sikap juga merujuk kepada kecenderungan seseorang supaya bertindak balas secara positif atau negatif terhadap sesuatu idea. Sikap melibatkan kepercayaan, perasaan dan pemikiran yang mempengaruhi individu dalam memberikan nilai kepada sesuatu yang diminati atau sebaliknya (Norhaya 2015; Nor Hasmaliza 2016). Kajian Nasyimah (2016) menyatakan bahawa seseorang yang pelajar yang mempunyai pengetahuan dalam KBAT mempengaruhi sikapnya untuk meminati pembelajaran KBAT. Manakala Kajian Ili Atiqah dan Ruslin (2016) berkaitan sikap terhadap kemahiran pemikiran kritikal dan hubungannya dengan prestasi akademik dalam kalangan pelajar-pelajar UKM mendapati sikap kematangan kognitif memberi sumbangan besar ke atas pencapaian akademik pelajar di UKM.

Siti Nurliyana (2015) pula menyatakan bahawa kesiapan merujuk kepada satu bentuk proses yang melibatkan pengintegrasian aspek fizikal, mental dan emosi seseorang murid semasa melaksanakan sesuatu tindakan. Sebagai contoh, murid yang sudah bersedia untuk belajar mampu memahami dan menghayati sesuatu pelajaran dengan lebih mudah berbanding dengan murid yang masih belum bersedia di mana kesannya akan menyebabkan mereka keliru di akhir pembelajaran. Secara jelas kesiapan dapat difahami apabila seseorang berupaya untuk memulakan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kesiapan merangkumi kesiapan kognitif, kesiapan afektif dan kesiapan psikomotor (Mok Soon Sang 2002). Oleh itu murid perlu sentiasa bersedia bagi memastikan sebarang tindakan yang bakal dilakukan nanti mencapai matlamat dan tujuan asalnya.

Kajian Mat Janudin (2002) menyatakan bahawa elemen kesediaan murid sangat penting bagi menghadapi pengajaran menggunakan kaedah baru. Sekiranya tahap kesediaan yang tinggi dalam kalangan murid menunjukkan wujud minat yang mendalam terhadap pembelajaran. Tetapi jika tahap kesediaan yang rendah menjelaskan makna sebaliknya. Pandangan Habibah dan Rahil (1990) pula menyatakan bahawa kesediaan seseorang murid untuk belajar boleh dipengaruhi oleh pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pengetahuan sangat penting bagi memastikan seseorang murid itu mampu menghadapi pembelajaran baru dan seterusnya memudahkan aktiviti pembelajaran berlaku. Hal ini bertepatan dengan hukum kesediaan Thorndike 1913 iaitu seseorang individu bersedia bagi melaksanakan tindakan dan kesannya tindakan tersebut memberi kepuasan kepadanya.

Kajian tinjauan oleh Siti Nurliyana (2015) berkaitan pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap KBAT dalam pembelajaran pemahaman bacaan melaporkan tahap KBAT murid berada tahap sederhana. Berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Nasyimah (2016) berkaitan hubungan antara pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran komponen sastera (Komsas) menunjukkan tahap KBAT pelajar berada pada tahap tinggi. Hal ini menggambarkan bahawa KBAT semakin diterima di sekolah dan murid menunjukkan kecenderungan untuk mempelajarinya dengan lebih mendalam. Guru-guru diharapkan dapat mencipta suasana pembelajaran yang lebih kondusif menggunakan KBAT dalam bilik darjah untuk menarik minat mereka terhadap pembelajaran. Oleh yang demikian, pengetahuan, sikap dan kesediaan yang mencukupi berkenaan KBAT merupakan aspek utama yang perlu dititikberatkan oleh para guru.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif yang melibatkan seramai 127 orang murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Tasawwur Islam sebagai subjek elektif di sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Instrumen kajian ini menggunakan soal selidik yang telah diadaptasi daripada kajian Siti Nurliyana (2015) dan Nasyimah (2016) serta diubahsuai mengikut sukatan pelajaran Tasawwur Islam. Soal selidik ini seterusnya telah mendapat pengesahan tiga orang pakar sebelum digunakan dalam kajian. Soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian: Bahagian A –Demografi Responden, Bahagian B- Pengetahuan murid terhadap KBAT, Bahagian C – Sikap murid terhadap KBAT dan Bahagian D – Kesediaan murid terhadap KBAT. Penyelidik menggunakan Skala Likert Lima Mata Mata yang diberi nilai 1 hingga 5 di mana 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Kurang Setuju, 4 = Setuju dan 5 = Sangat setuju.

Ujian alpha Cronbach telah dilaksanakan untuk menentukan kebolehpercayaan item dan nilai yang diperolehi bagi konstruk pengetahuan, sikap dan kesediaan masing-masing 0.910, 0.873 dan 0.823. Nilai ini berada dalam kategori yang baik. Hal ini kerana penyelidik mengambil kira pandangan Pallant (2007) nilai pekali Cronbach Alpha yang ideal ialah 0.70 dan ke atas. Seterusnya, borang soal selidik dikumpulkan untuk dianalisis menggunakan program Statistical Packege for Social Sciences (SPSS) 23.0. Penganalisan data ini melibatkan statistik deskriptif untuk menerangkan demografi sampel kajian seperti peratus dan frekuensi. Analisis secara statistik deskriptif juga dibuat berdasarkan interpretasi skor min.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Kajian ini melibatkan murid lelaki dan perempuan yang dipilih seramai 127 orang. Profil demografi responden secara terperinci diuraikan seperti Jadual 1. Jadual 1 menunjukkan bahawa berdasarkan jantina, seramai 62 orang (48.8%) murid lelaki dan seramai 65 orang (51.2%) murid perempuan.

Jadual 1: Profil demografi responden kajian

Demografi	Kekerapan	Peratusan (%)
<i>Jantina</i>		
Lelaki	62	48.8 %
Perempuan	65	51.2%

Pengetahuan Murid terhadap KBAT dalam Mata pelajaran Tasawwur Islam

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan untuk menentukan tahap pengetahuan KBAT murid dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. Hasil analisis deskriptif seperti Jadual 2 berikut.

Jadual 2: Tahap pengetahuan murid terhadap KBAT
dalam mata pelajaran Tasawwur Islam

No	Item	Min	SP	Tahap
1	Saya mengetahui maksud kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) setelah di didedahkan dalam sesi pembelajaran.	4.43	0.661	Tinggi
2	Saya mengetahui aplikasi KBAT yang diajar oleh guru dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.	4.06	0.716	Tinggi
3	Teknik penyoalan yang berkesan dapat memperkembangkan kemahiran berfikir aras tinggi saya.	4.16	0.739	Tinggi
4	Saya dapat meningkatkan KBAT dengan peta pemikiran i-Think dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.	4.24	0.729	Tinggi
5	Saya didedahkan dengan KBAT yang berterusan membuatkan saya semakin faham dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.	4.06	0.682	Tinggi
6	Saya dapat bersoal jawab dengan baik tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai soalan.	3.90	0.765	Tinggi
7	Saya dapat menghuraikan idea secara kritis.	3.68	0.744	Tinggi
8	Saya dapat megemukakan soalan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.	3.74	0.726	Tinggi
9	Saya dapat mengaplikasi pengetahuan dalam mata pelajaran Tasawwur Islam dengan kehidupan seharian.	3.92	0.773	Tinggi
10	Saya dapat menyelesaikan masalah yang diberikan guru berkaitan mata pelajaran Tasawwur Islam.	3.76	0.814	Tinggi
11	Saya dapat menilai sesuatu situasi yang diberikan dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.	3.78	0.723	Tinggi
12	Saya dapat menjana idea baru berdasarkan stimulus yang diberikan dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.	3.71	0.757	Tinggi
	Min Keseluruhan	3.44	0.814	Tinggi

Dapatan Jadual 2 memaparkan bahawa nilai min bagi setiap item pengetahuan murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Tasawwur Islam adalah tinggi dengan skor antara 4.43 hingga 3.68. Ini menunjukkan bahawa murid-murid mempunyai pengetahuan KBAT yang tinggi. Murid-murid telah didedahkan KBAT semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Guru memainkan peranan penting untuk menerapkan KBAT semasa proses PdP dijalankan antaranya menggunakan teknik penyoalan yang ke arah KBAT, penggunaan bahan bantu yang berkesan seperti peta pemikiran i-Think dan sebagainya. Murid-murid didapati kurang mampu menguraikan idea secara kritis dalam pembelajaran. Kesemua item pengetahuan memberi maklumat yang jelas kepada guru-guru agar meneruskan usaha menerapkan KBAT kepada murid-murid agar hasrat untuk melahirkan modal insan yang kreatif, inovatif dan berdaya saing mampu dicapai secara maksimum.

Sikap Murid terhadap KBAT dalam Mata pelajaran Tasawwur Islam

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan untuk menentukan tahap sikap murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. Hasil analisis deskriptif seperti Jadual 3 berikut.

Jadual 3: Tahap sikap murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Tasawwur Islam

No	Item	Min	SP	Tahap
1	Pengajaran menggunakan KBAT dapat merangsang minat saya untuk berfikir dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.	4.13	0.787	Tinggi
2	Pengajaran menggunakan KBAT membuatkan saya ingin belajar dan berjaya dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.	4.14	0.763	Tinggi
3	Pengajaran menggunakan KBAT meningkatkan penguasaan konsep dan fakta saya dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.	3.99	0.696	Tinggi
4	Pengajaran menggunakan KBAT sesuai diaplikasikan dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.	3.98	0.811	Tinggi
5	Pengajaran menggunakan KBAT dapat memahami saya tentang konsep-konsep penting dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.	3.91	0.787	Tinggi
6	Pengajaran menggunakan KBAT membolehkan saya memberi pandangan dalam mata pelajaran Tasawwur Islam	3.92	0.741	Tinggi
7	Pengajaran menggunakan KBAT dapat menimbulkan minat terhadap mata pelajaran Tasawwur Islam.	3.95	0.815	Tinggi
8	Pengajaran menggunakan KBAT dapat meningkatkan tahap pemikiran murid dalam mempelajari mata pelajaran Tasawwur Islam.	4.04	0.840	Tinggi
	Min Keseluruhan	4.01	0.780	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan lapan item bagi aspek sikap murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. Dapatan menunjukkan bahawa murid-murid yang didedahkan dengan pengajaran menggunakan KBAT dapat membuatkan mereka ingin belajar dan berjaya dalam mata pelajaran Tasawwur Islam dengan skor min yang tertinggi iaitu 4.14 dan sisihan piawai 0.787. Namun begitu, skor min yang paling rendah pada tahap tinggi bagi aspek sikap ialah pengajaran menggunakan KBAT dapat memahami murid tentang konsep-konsep

penting dalam mata pelajaran Tasawwur Islam dengan min 3.91. Ini menunjukkan bahawa murid-murid masih kurang menggunakan kemahiran berfikir mereka untuk menguasai konsep dan fakta dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. Daripada analisis ini dirumuskan bahawa murid-murid ini mempunyai tahap sikap yang tinggi terhadap KBAT dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. Penerapan KBAT yang baik oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) diharapkan mampu mengubah sikap murid ke arah yang lebih positif.

Kesiediaan Murid terhadap KBAT dalam Mata pelajaran Tasawwur Islam

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan untuk menentukan tahap kesiediaan murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. Hasil analisis deskriptif seperti Jadual 4 berikut.

Jadual 4: Tahap kesiediaan murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Tasawwur Islam

No	Item	Min	SP	Tahap
1	Saya bersedia mengambil bahagian dalam aktiviti menggunakan KBAT di dalam bilik darjah.	3.53	0.834	Sederhana
2	Saya bersedia mengambil bahagian semasa sesi soal jawab menggunakan KBAT di dalam bilik darjah.	3.66	0.828	Sederhana
3	Saya bersedia mengambil bahagian dalam interaksi kerja berkumpulan menggunakan KBAT di dalam bilik darjah.	3.87	0.735	Tinggi
4	Saya bersedia untuk mengemukakan soalan ketika sesi pembelajaran menggunakan KBAT di dalam bilik darjah.	3.80	0.807	Tinggi
5	Saya bersedia menggunakan KBAT untuk menghubungkan kaitkan konsep-konsep pembelajaran dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.	3.75	0.845	Tinggi
6	Saya bersedia menjawab soalan pengukuhan menggunakan KBAT setelah selesai sesi pembelajaran di dalam bilik darjah.	3.81	0.833	Tinggi
7	Saya bersedia untuk mencuba latihan yang diberikan oleh guru dengan menggunakan KBAT di dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.	3.88	0.940	Tinggi
8	Saya bersedia menggunakan KBAT untuk menyelesaikan masalah pembelajaran.	3.84	0.781	Tinggi
9	Saya bersedia menggunakan KBAT dalam kerja berkumpulan.	3.80	0.836	Tinggi
10	Saya bersedia menggunakan KBAT untuk meningkatkan kefahaman saya mengenai mata pelajaran Tasawwur Islam.	3.93	0.836	Tinggi
	Min Keseluruhan	3.79	0.835	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan bahawa nilai min keseluruhan bagi tahap kesiediaan murid terhadap KBAT berada pada tahap tinggi iaitu min 3.79 dan sisihan piawai 0.835. Aspek kesiediaan murid mengambil bahagian dalam aktiviti menggunakan KBAT di dalam bilik darjah menunjukkan nilai min sederhana yang paling rendah iaitu 3.53. Begitu juga kesiediaan murid dalam mengambil bahagian semasa sesi soal jawab menggunakan KBAT di dalam bilik darjah

didapati sederhana. Namun, pada item 10 'Saya bersedia menggunakan KBAT untuk meningkatkan kefahaman saya mengenai mata pelajaran Tasawwur Islam.' nilai min berada pada tahap paling tinggi iaitu 3.93. Ini menunjukkan bahawa guru yang menekankan KBAT dalam pengajaran dapat meningkatkan kefahaman dan kesediaan murid untuk mempelajari mata pelajaran Tasawwur Islam.

PERBINCANGAN

Kajian ini adalah berkaitan dengan pengetahuan, sikap dan kesediaan murid-murid tingkatan empat terhadap KBAT dalam mata pelajaran Tasawwur Islam di sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Keseluruhan, dapatan kajian menjelaskan bahawa murid-murid tingkatan empat di sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan Putrajaya mempunyai pengetahuan, sikap dan kesediaan terhadap KBAT dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. Ketiga-tiga aspek iaitu pengetahuan, sikap dan kesediaan KBAT murid didapati berada pada tahap tinggi. Instrumen pada aspek sikap mempunyai pengaruh yang lebih tinggi berbanding aspek pengetahuan dan kesediaan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penekanan kurang diberikan terhadap aspek kesediaan murid kerana mendapat nilai min keseluruhan terendah berbanding aspek pengetahuan dan sikap terhadap KBAT dalam mata pelajaran Tasawwur Islam.

Kajian memperlihatkan bahawa keseluruhan dapatan kajian ini menyamai kajian Nasyimah (2016) yang mengkaji tentang pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap KBAT dalam pembelajaran komponen sastera (komsas). Hasil kajian Nasyimah (2016) menjelaskan bahawa tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap KBAT berada pada tahap tinggi. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa murid-murid tingkatan empat semakin menerima KBAT apabila mereka menunjukkan minat mempelajari KBAT secara mendalam menerusi komsas. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa KBAT menjadi elemen penting kepada murid dan membantu mereka meningkatkan kebolehan dan pencapaian. Dapatan kajian ini juga mempunyai persamaan dengan kajian Musliha Salma (2010) kerana menunjukkan keseluruhan elemen KBAT mencatatkan tahap yang tinggi.

Namun dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Siti Nurliyana (2015) mendapati tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap KBAT dalam pembelajaran pemahaman bacaan adalah sederhana. Selain itu, dapatan kajian Sarimah & Shaharom (2008) dan Zanariah (2010) turut berbeza kerana menunjukkan tahap penguasaan kemahiran berfikir kritis pelajar berada pada tahap sederhana. Kajian yang dijalankan oleh Wan Nazira (2015) juga turut melaporkan dapatan tahap KBAT murid adalah sederhana. Percanggahan kajian ini juga boleh dikaitkan dengan pengaruh guru dan murid yang menjadikan pengajaran dan pembelajaran yang lebih seronok untuk dipelajari kerana dapat melatih murid untuk berfikir dengan kritikal apabila guru mengajukan soalan beraras tinggi kepada murid.

Didapati aspek sikap lebih mempunyai pengaruh yang tinggi berbanding aspek pengetahuan dan kesediaan. Menurut Nasyimah (2016) menyatakan bahawa seseorang pelajar yang mempunyai pengetahuan dalam KBAT mempengaruhi sikapnya untuk meminati pembelajaran KBAT serta mempengaruhi pencapaian pelajar disekolah. Hal ini disokong dengan kajian Ili Atiqah dan Ruslin (2016) mendapati sikap kematangan kognitif memberi sumbangan besar ke atas pencapaian akademik pelajar di UKM dan mencadangkan agar pelajar sentiasa mempersiapkan diri kepada pencarian ilmu pengetahuan yang sah, mempunyai bukti dan fakta yang kukuh dan tidak terburu-buru dalam membuat keputusan. Ini bertepatan

dengan pandangan Sharifah Alawiyah (1985) sikap adalah situasi apabila seseorang mudah dipengaruhi supaya bertindak secara positif atau negatif kepada orang lain, keadaan atau idea.

Manakala aspek kesiediaan menunjukkan pengaruh yang paling rendah. Ini menggambarkan murid-murid perlu diberi perhatian terhadap kesiediaan pembelajaran KBAT. Hal ini disokong dengan dapatan kajian Mat Janudin (2002) menyatakan bahawa aspek kesiediaan murid sangat penting bagi menghadapi pengajaran dengan menggunakan kaedah baru. Tahap kesiediaan yang rendah dalam kalangan murid memberi makna kurang minat terhadap pembelajaran. Sebaliknya tahap kesiediaan tinggi dalam kalangan pelajar bermakna wujud minat yang mendalam terhadap pembelajaran. Pengkaji berpendapat bahawa kesiediaan murid boleh dipengaruhi oleh sikap dan pengetahuan sedia ada mereka. Hal ini disokong dengan pandangan Habibah dan Rahil (1990) menyatakan bahawa pengetahuan dan pengalaman sedia ada sangat mempengaruhi kesiediaan murid untuk belajar. Malah pengetahuan sangat penting bagi memastikan seseorang murid itu mampu menghadapi pembelajaran baru dan seterusnya memudahkan pembelajaran itu berlaku.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa menguasai KBAT adalah sangat penting dalam pembelajaran murid. Begitu juga dalam pengajaran guru perlu menekankan KBAT di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Guru menjadi faktor kritikal dalam pengajaran kerana kesiediaan murid banyak bergantung kepada guru (Suhaimi & Razali 2014). Latihan yang diberikan oleh guru dilihat dapat meningkatkan keinginan murid untuk menggunakan KBAT di dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. Oleh itu, bagi mencapai matlamat tersebut guru perlu prihatian dan peka terhadap pengetahuan, sikap dan kesiediaan murid bagi memastikan mereka dapat memahami pembelajaran seterusnya meningkatkan tahap pencapaian murid.

IMPLIKASI KAJIAN

Mata pelajaran Tasawwur Islam merujuk kepada satu bidang yang menfokuskan kepada pengetahuan dan kefahaman mengenai Islam secara menyeluruh. Murid yang mampu menguasai kurikulum Tasawwur Islam boleh menyumbang ke arah memperkembangkan ilmu pengetahuan yang menyeluruh dan bersepadu serta mampu memperkembangkan kemahiran murid dari segi kemahiran berfikir, berkomunikasi dan penguasaan ilmu pengetahuan. Selain itu, kesiediaan murid perlu ditingkatkan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran agar mereka bersedia untuk melibatkan diri dengan pembelajaran. Sewajarnya murid-murid perlu diberi perhatian dan bimbingan secara khusus semasa pembelajaran supaya mereka turut serta dalam aktiviti yang dijalankan. Kebanyakan usaha ini adalah dengan mengadakan aktiviti-aktiviti dan latihan yang bertujuan untuk meningkatkan KBAT dalam kalangan murid.

Kajian ini turut memberi implikasi kepada guru-guru agar mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran seperti murid perlu didedahkan dengan pelbagai teknik penyolaan aras tinggi bagi menggalakkan dan merangsang murid untuk berfikir. Pendekatan KBAT didapati dapat mengurangkan perasaan jemu terhadap topik yang dibincangkan. Murid yang sering didedahkan dengan KBAT memberi kesan yang lebih baik terhadap pengetahuan, sikap dan kesiediaan murid terhadap mata pelajaran tersebut. Justeru, kajian ini diharapkan memberi maklumat kepada guru Tasawwur Islam dan Pendidikan Islam khususnya dalam usaha meningkatkan KBAT dalam kalangan murid bagi melahirkan modal insan yang kreatif dan berdaya saing.

KESIMPULAN

Kesimpulannya kajian ini menunjukkan bahawa pengetahuan, sikap dan kesediaan murid tingkatan empat di sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan Putrajaya terhadap KBAT dalam mata pelajaran Tasawwur Islam berada pada tahap tinggi. Guru memainkan peranan penting untuk terus melatih murid-murid ke arah pemikiran aras tinggi. Murid yang mempunyai pengetahuan, sikap dan kesediaan yang baik terhadap KBAT memberi impak yang positif ke arah pemikiran aras tinggi dan mampu memahami pembelajaran dengan lebih berkesan serta mempengaruhi pencapaian mereka ke arah yang lebih baik dalam mata pelajaran berkenaan. Hal ini disokong dengan pandangan Siti Nurliyana (2015) penekanan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran tidak boleh diabaikan kerana turut memberikan impak ke atas pembelajaran murid dan seterusnya kualiti produk sekolah tersebut.

RUJUKAN

- Ainon Mohd dan Abdullah Hassan. 2003. *Belajar Berfikir*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali. 1989. *Keutamaan Berfikir*. Terj. Achmad Sunarto. Jakarta: Pustaka Amani.
- Anderson, L.W., & Krathwohl, D.R. 2001. Eds. *A taxonomy for learning, teaching and assessing: A revision of Bloom's Taxonomy of Education objectives: Complete edition*. New York: Longman.
- Arni Yuzie Mohd Arshad. 2016. *Penambahbaikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah Bagi Mata pelajaran Sains Tingkatan 2*. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ary, D., Jacobs, L.C., & Rozavieh, A. 2002. *Introduction Reseach (6th ed)*. Belmont, CA; Wadsworth.
- Bloom, B.S. 1989. *Taksonomi Objektif Pendidikan: Buku pedoman 1: Domain kognitif*. Terj. Abdullah Junus. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Creswell, J. W. 2012. *Educational research: planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research (3rd ed)*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Habibah Elias & Rahil Mahyuddin. 1990. *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halimah Md Shariff. 2009. *Aplikasi taksonomi kognitif Bloom*. Dlm. Tajularipin Sulaiman & Aminuddin Hassan (pnyt.) *Peranan Minda dalam kemahiran berfikir*, hlm. 100-108. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hassan Langgulong. 1987. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Ili Atiqah Md.din Ruslin Amir. 2016. *Sikap Terhadap Kemahiran Pemikiran Kritisikal Dan Hubungannya Dengan Prestasi Akademik Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar UKM*. Jurnal Psikologi Malaysia 30 (1): 142-151.
- Junaidi Abdullah. 2012. *Penyeliaan Dan Kerja Guru Dalam Mata Pelajaran Al-Quran di Sekolah Agama Brunei Darussalam*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamaruddin Ismail. 2010. *Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru kimia terhadap kaedah pembelajaran koperatif*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarudin Abu Hassan. 2008. *Kualiti pendidik melalui penyelidikan pendidikan bagi melahirkan guru bijaksana dan berfikiran tinggi*. Seminar Penyelidikan Pendidikan, hlm. 34-45.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. *Aplikasi di Sekolah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Khairuddin Ahmad. 2011. *Keberkesanan kaedah peta konsep terhadap pencapaian, sikap dan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan pelajar tingkatan empat*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan (2013) *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Marlina Ali & Shaharom Noordin. 2010. *Hubungan antara kemahiran berfikir kritis dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Jurnal Teknologi. 52: 45-55.
- Marzano R.J & Kendall J.S. 2007. *The new taxonomy of educational objectives. 2nd Ed.* USA: Sage Publications.
- Mat Janudin Jamrin. 2002. *Keberkesanan penggunaan teknik mengajar peta konsep dalam mata pelajaran Ekonomi Asas tingkatan empat*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Maliki Ali, Maimun Aqsha Lubis, Mohd Aderi Che Noh, Md Yusoff Daud Hamdan Arman Muhammad Nazir M.K & Nazir, Zaffi Alias. 2012. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pengajaran Akidah Pendidikan Islam Berasaskan Kemahiran Berfikir Kritis Dan Analitikal Di Sekolah Menengah*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-9 Peringkat Serantau, hlm.517-530.
- Mohammad Norsham Abdul Ghani. 2014. *Tahap pengetahuan dan sikap guru-guru Pendidikan Islam terhadap amalan penerapan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif di Negara Brunei Darussalam*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ghadafi Mohd Ghazali. 2014. *Tinjauan Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Luar Bandar Terhadap Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif dalam Amalan Pengajaran*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mok Soon Sang. 2002. *Pedagogi: Pelaksanaan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Musliha Salma Mohd Radzi. 2010. *Aplikasi kemahiran berfikir aras tinggi melalui pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nasyimah Ismail. 2016. *Hubungan Antara pengetahuan, sikap dan kesiapan pelajar terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran komponen sastera (KOMSAS)*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hasmaliza Hasan. 2016. *Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hasnida Che Md Ghazali, Siti Rahayah Ariffin, Nor Azaheen Abdul Hamid & Rosseni Ariffin 2011. *Kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah pelajar*. Dlm Zamri Mahamood, Jamallul Lail Abdul Wahab & Mohammed Sani Ibrahim (pnyt). Transformasi dan Inovasi dalam Pendidikan (hlm.257-269). Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan UKM.
- Norani Idris. 2013. *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Education.
- Norasmahani Nor, Nur Sofiah Suhaimi, Nur Syamira Abdul Wahab, Mohd Khushairi Che Ismail, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak. 2015. *Pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah: satu tinjauan di Putrajaya*. Proceeding: 7th International on Regional Education.
- Norhaya Isa. 2015. *Pengetahuan, Kemahiran Pelaksanaan dan Sikap Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Terhadap Pendekatan Didik Hibur*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Noriati A.Rashid. 2012. *Falsafah dan Falasafah di Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Nur Aida Muhammad & Mohd Aderi Che Noh. 2014. *Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-10, hlm. 520-541
- Nurul Nadirah Mohd Kasim. 2014. *Pengetahuan Guru Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan Tahap Berfikir Aras Tinggi Pelajar Tingkatan 2 Bagi Topik Ungkapan Algebra II*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Pallant, J. 2007. *SPSS Survival Manual: a step by step guide to data analysis using SPSS*. Australia: Allen & Unwin.
- Pushpalatha Sivamugam. 2006. *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana. Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rajendran Sithambaram. 2003. *Keberkesanan Pengajaran Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) Secara Penyebatian Penuh dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2. Projek Penyelidikan*. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rajendran, N. S .2008. *Teaching and acquiring higher-order thinking skills: Theory & practice*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sabri Mohd Salleh. 2008. *Pembelajaran pemikiran kritis di kalangan pelajar sekolah menengah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarimah Kamrin & Shaharom Noordin. 2008. *Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Kritis Pelajar Sains Tingkatan Empat*. Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, 13: 58-72.
- Sharifah Alawiyah Alsagoff. 1985. *Ilmu Pendidikan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Abdul Aziz. 2009. *Siri pendidikan guru: Bahasa Melayu II*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Siti Nurliyana Ab Halim. 2015. *Pengetahuan, Sikap dan Kesediaan Pelajar Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pembelajaran Pemahaman Bacaan*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Rahayah Ariffin, Rosseni Ariffin & Hafsa Mohamed Makki. 2008. *Contribution Factors in Multiple Intelligence among Adolescence Students*. Journal of Education, 33: 35-46.
- Suhanna Zainudin & Zanaton Hj. Iksan. 2015. *Pemeriksaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Sains*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-5, hlm. 206-211
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Mohd Uzi Dollah. 2012. *Pengajaran Kemahiran Berfikir: Persepsi dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah*. Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia. 2(1): 18-36.
- Tee Tze Kiong. 2013. *Pengintegrasian kemahiran berfikir dan peta minda buzan bagi penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi*. Tesis Doktor Falsafah. Michigan State University.
- Tomei, L. 2005. *Taxonomy for the Technology Domain*. London, United Kingdom: Information Science Publishing.
- Wan Mat Sulaiman & Norkhairiah Hashim. 2011. *Aplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran pengetahuan agama Islam*. Journal of Applied Research in Education. 15: 43-58
- Wan Nazira Wan Jaafar. 2015. *Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Aspek Pemahaman Puisi dan Prosa Komponen Sastera Bahasa Melayu*. Projek Penyelidikan. Fakulti Pengajian Pendidikan. Universiti Putra Malaysia.

- Weinert, F. E. & Helmke, A. 1998. *The neglected role of individual differences in theoretical models of cognitive development*. Learning and Instruction. 8: 309-324
- Yahya Othman. 2014. *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Bahasa Melayu: Peranan Guru*. Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Ketiga
- Yee, Mei Heong, Jailani Md Yunus & Tee, Tze Kiong. 2010. *The level of higher order thinking skills for technical subject in Malaysia*. Proceedings of the 1st UPI International Conference on Technical and Vocational Education and Training, hlm. 82-89
- Zainal Abidin Samsudin. 2006. *Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap dalam Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif di Kalangan Guru Pelatih Maktab Perguruan Opsyen Matematik*. Projek Penyelidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zanariah Ab. Wahab. 2010. *Tahap pengaplikasian kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) dalam kalangan pelajar tingkatan empat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam*. Projek Penyelidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.